

KL jangka ada tindak balas daripada Barat kerana bela Palestin

Malaysia terus lantang isu kesengsaraan di Gaza demi tanggungjawab kemanusiaan, agama



Daripada Zainudin Isa di Riyadh, Arab Saudi

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia menyedari dan menjangkakan akan ada tindak balas dari beberapa negara Barat berhubung kelantanganannya membela nasib rakyat Palestin, namun bertekad untuk terus berjuang isu itu di pentas antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, beliau tiada pilihan dalam menyuarakan isu Palestin kerana ia memabitkan soal kemanusiaan kerana penduduknya terus sengsara akibat penindasan dan kezaliman berterusan rejim Zionis Israel.

"Saya tak ada pilihan... ini kesengsaraan (di Gaza), dengan pembunuhan melibatkan nyawa anak kecil dan wanita.

"Betul (ada) risiko (tindak balas oleh negara Barat), tapi kebimbangan kita ialah apa sedang dihadapi oleh rakyat Palestin.

"Saya tidak bimbang (mengenai tindak balas itu) kerana adanya pendapat sama dari semua negara (ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Ada konsensus mengenai soal kemanusiaan di Gaza," katanya kepada media Malaysia pada akhir lawatan beliau ke Arab Saudi, pada Sabtu.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengambil inisiatif dalam kalangan negara ASEAN dan GCC untuk mengheret Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICJ) bagi kezaliman yang dilakukannya ke atas rakyat Palestin, Perdana Menteri berkata, pandangan itu telah dinyatakan kerajaan.

"Saya sudah berbincang dengan pemimpin negara ASEAN, Raja Bahrain, (Hamad bin Isa bin Salman), Raja Emiriah Arab Bersatu (Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan) dan Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Salman.



Anwar berucap kepada media Malaysian pada akhir lawatan beliau ke Arab Saudi, kelmarin. (Foto BERNAMA)

"Saya juga berjumpa Recep Tayyip Erdogan (Presiden Turkiye) dan Abdel-Fattah al-Sisi (Presiden Mesir).

"Kita tidak mahu bersendirian... Putrajaya sudah pun nyatakan pendirian. Saya percaya semua negara perlu sepakat untuk cari penyelesaian berhubung nasib penduduk Palestin.

"Kita akan bincang dengan mereka dan saya sudah menelefon ramai pemimpin negara lain supaya harus ada kesepakatan dalam membuat keputusan," katanya.

Perdana Menteri juga mengulangi bahawa ketika negara juga memerlukan tumpuannya, beliau memperjuangkan isu Palestin atas dasar tanggungjawab kemanusiaan selain tanggungjawabnya sebagai umat Islam.

Tekanan perlu diteruskan

Menurutnya, tekanan perlu terus dibuat kerana keengganan beberapa negara Eropah menyuarakan bantahan supaya keganasan berterusan di Gaza dihentikan.

"Jika tidak dihentikan, tempasnya akan beri kesan parah dari segi keselamatan serantau. Kita perlu mendorong pembabitn negara lain.

"Kebimbangan kita adalah faktor kemanusiaan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh masyarakat di Palestin Gaza... (ini cubaan untuk) melumpuhkan seluruh kehidupan di situ.

"Ini boleh mengundang sikap fanatik dan penganas. Kalau ditekan sebegitu rupa sampai tidak bernyawa, pilihan yang mereka ada ialah berjuang atau mati dan mereka memilih untuk berjuang," kata beliau.

Awal pagi semalam, Anwar tiba di Istanbul untuk lawatan kerja dua hari ke Turkiye dan ber-

temu Erdogan bagi membincangkan isu Palestin.

Selepas Turkiye, Perdana Menteri akan ke Kaherah, Mesir hari ini untuk bertemu Presiden Abdel Fattah El-Sisi dan berbincang mengenai pembukaan laluan sempadan Rafah untuk membolehkan penyaluran bantuan makanan, minuman dan perubatan ke Palestin.

Sempadan Rafah terletak di antara Mesir dan Genting Gaza, Palestin.

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataan memaklumkan lawatan kerja ke Turkiye dan Mesir mencerminkan komitmen Malaysia yang tidak berbelah bahagi mengenai isu Palestin, khususnya bagi meringankan penderitaan dan kesengsaraan dialami rakyat Palestin akibat krisis di Semenanjung Gaza yang masih berterusan.

Semasa lawatan kerja ke Arab Saudi bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), minggu lalu, Anwar juga Menteri Kewangan mengatur jadual padat untuk bertemu banyak pihak, termasuk Mohammed Salman.

Beliau menggunakan setiap ruang dan peluang sidang kemuncak itu pada Jumaat untuk membangkitkan isu Palestin dengan seramai mungkin ketua negara ASEAN, terutama berjiran dengan Malaysia serta pemimpin GCC, yang dianggotai Arab Saudi, Qatar, Bahrain, Oman, Emiriah Arab Bersatu dan Kuwait.

Korban di Gaza sejak 7 Oktober lalu mencecah lebih 4,200 orang, 70 peratus adalah wanita dan kanak-kanak dengan lebih 13,000 lagi cedera, manakala angka korban di Israel 1,400 orang, dengan lebih 4,000 dikatakan cedera.